

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MUFAKAT KEDAH”



Buletin MDBB

Majlis Daerah Bandar Baharu

| www.mdbb.gov.my



BANDAR BAHARU ENDURANCE

14.05.2016



04-4077264
04-4077264 (Faks)



Majlis Daerah Bandar Baharu

LAWATAN AUDIT SUK AI

20 September 2017

Lawatan Audit Index Akauntabiliti telah berlangsung dengan jayanya bermula 20 September 2017 sehingga 29 September 2018.

Majlis Daerah Bandar Baharu telah memberi kerjasama yang baik sepanjang proses pengauditan dijalankan.

Kehadiran panel disambut baik oleh semua warga dan semua dokumen yang lengkap telah diserahkan untuk disemak.

Panel Audit Index Akauntabiliti sangat berpuashati dengan kerjasama yang diberikan oleh semua warga Majlis Daerah Bandar Baharu





10 Oktober 2017

BUBUR ASYURA MDBB

Majlis Bubur Asyura peringkat Majlis Daerah Bandar Baharu telah berlangsung pada 10 Oktober 2017 bertempat di Pejabat Majlis Daerah Bandar Baharu. Majlis ini disertai oleh semua warga MDBB.

Bubur Asyura yang telah siap dimasak diedarkan kepada semua warga MDBB. Majlis Bubur Asyura MDBB telah membawa imej muafakat yang baik dikalangan warga MDBB.

Muafakat membawa berkat!





MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI 2017

Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2017 peringkat Majlis Daerah Bandar Baharu telah berlangsung pada 20 Julai 2017 bertempat di Kafe MDBB.

Majlis ini berlangsung dengan penuh kemeriahan disertai pelbagai gelagat yang mencuit hati.

Setelah sebulan berpuasa di bulan Ramadhan, warga MDBB meraikan kemenangan dengan pelbagai juadah yang disediakan, antaranya adalah leman, ketupat, rendang, biskut raya, laksa, mee kuah dan pelbagai jenis kek.

PERBARISAN HARI KEBANGSAAN

2017

Pertandingan Perbarisan Hari Kebangsaan 2017 Peringkat Negeri Kedah Darul Aman telah berlangsung pada 31 Ogos 2017 di Alor Setar, Kedah Darul Aman. Majlis Daerah Bandar Baharu telah menyertai pertandingan tersebut dan berjaya mendapat tempat ke-3 dalam kategori Badan Berkanun.

Penat lelah selama 3 bulan membuat latihan bagi menyertai pertandingan perbarisan ini lenyap apabila diumumkan bahawa Majlis Daerah Bandar Baharu mendapat tempat ke 3.

Perbarisan ini telah mengajar peserta seramai 33 orang bahawa tiada yang mustahil untuk dilakukan. Tahniah!



LE TOUR DE LANGKAWI



24 Februari 2017 Daerah Bandar Baharu telah terpilih sebagai tempat pelepasan Peringkat Ke-3 Le Tour de Langkawi . Laluan Peringkat ke-3 adalah dari Serdang ke Pantai Remis sejauh 118.0 KM.

Kejohanan ini merupakan kejohanan peringkat antarabangsa yang disertai oleh pelumba-pelumba basikal '*road bike*' terbaik dari seluruh